

**KERTAS BIL. 34/2020**

**LAPORAN JAWATANKUASA  
PERATURAN-PERATURAN TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

*Cadangan Pindaan  
Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor*


**JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS**

**LAPORAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

1. Menurut Peraturan 69(3), Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor, adalah menjadi kewajipan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap menimbang dari satu masa ke satu masa dan mengeluarkan pernyataan kepada Dewan berkenaan perkara-perkara berkaitan dengan Peraturan-Peraturan Tetap yang diserahkan Dewan kepadanya bagi dibentangkan.
2. Pada Mesyuarat Pertama (Pembukaan) Penggal Ketiga Tahun 2020 dan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Tahun 2020 Persidangan Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas yang lalu telah dibawakan Usul cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor melalui Kertas Mesyuarat Bil. 2 Tahun 2020 dan Kertas Mesyuarat Bil. 15 Tahun 2020.
3. Usul menerusi Kertas Mesyuarat Bil. 2 Tahun 2020 telah dibacakan dan dipersetujui oleh Dewan Negeri Selangor pada 17 Mac 2020 dan Usul menerusi Kertas Mesyuarat Bil. 15 Tahun 2020 telah dibacakan dan dipersetujui oleh Dewan Negeri Selangor pada 15 Julai 2020. Sehubungan itu, Dewan telah menyerahkan perkara-perkara yang hendak dipindah dalam Kertas Mesyuarat Bil. 2 Tahun 2020 dan Kertas Mesyuarat Bil. 15 Tahun 2020 kepada Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap untuk diperhalusi sebelum dipertimbangkan bagi diluluskan pindaan tersebut oleh Dewan.
4. Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor selaras dengan amanah yang diberikan oleh Dewan telah mengadakan mesyuarat bagi mengkaji dan meneliti kesemua cadangan pindaan kepada Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor seperti yang diserahkan kepadanya pada 17 Mac 2020 dan 15 Julai 2020 yang lalu. Senarai Ahli-Ahli Jawatankuasa adalah

seperti di **Lampiran A** dan cadangan pindaan yang dinyatakan di **Perenggan 2** adalah seperti di **Lampiran B**.

5. Penelitian Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor mendapati pindaan yang dicadangkan melibatkan Peraturan-Peraturan berikut:
  - (a) Peraturan 11 (1)
  - (b) Peraturan 15 (1) dan (2)
  - (c) Peraturan 16 (6)
  - (d) Peraturan 17 (3) dan (4)
  - (e) Peraturan 56
  - (f) Peraturan 66 (2)
  - (g) Peraturan 68 (1)
  - (h) Peraturan 72 (2)
6. Ulasan dan syor Jawatankuasa berhubung cadangan pindaan kepada Peraturan Tetap yang dinyatakan pada **Perenggan 5** adalah seperti di **Lampiran B** dan menurut Peraturan 69(3) dan 69(4), Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap **mengesyorkan cadangan pindaan Peraturan-Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor ini diluluskan mengikut ulasan dan Syor Jawatankuasa seperti di Lampiran B.**
7. Dengan ini, Laporan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap bagi Dewan Negeri Selangor dibentangkan kepada Dewan dan seterusnya dipertimbangkan syor sepermama yang terdapat di dalam Laporan dan seterusnya diterima pakai.



Y.B. TUAN NG SUEE LIM

Pengerusi

Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Tetap

Dewan Negeri Selangor

2 / September 2020

**LAMPIRAN A**

**SENARAI AHLI JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP BAGI  
DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEEMPAT BELAS**

- |    |  |           |
|----|--|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Ng Suee Lim<br>Tuan Speaker,<br>Dewan Negeri Selangor<br>(ADN Kawasan Sekinchan) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Tuan Ahmad Mustain bin Othman<br>(ADN Kawasan Sabak)                                  | Ahli      |
| 3. | Y.B. Tuan Gunarajah a/l R George<br>(ADN Kawasan Sentosa)                                  | Ahli      |
| 4. | Y.B. Tuan Leong Tuck Chee<br>(ADN Kawasan Pandamaran)                                      | Ahli      |
| 5. | Y.B. Tuan Muhammad Hilman Bin Idham<br>(ADN Kawasan Gombak Setia)                          | Ahli      |
| 6. | Y.B. Tuan Harumaini bin Haji Omar<br>(ADN Kawasan Batang Kali)                             | Ahli      |
| 7. | Y.B. Dato' Mohd Shamsudin bin Lias<br>(ADN Kawasan Sungai Burong)                          | Ahli      |

**LAMPIRAN B****ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(a)	<u>Masa Persidangan</u>  11(1) Kecuali Jika Dewan mengeluarkan perintah lain –  (a) setiap persidangan pada hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis hendaklah dimulakan pada pukul 10.00 pagi dan ditangguhkan pada pukul 1.00 petang dan persidangan itu hendaklah dimulakan semula pada pukul 2.30 petang sehingga pukul 4.30 petang;  (b) setiap persidangan pada hari Jumaat hendaklah dimulakan pada pukul 9.30 pagi dan ditangguhkan pada pukul 12.00 tengah hari dan persidangan itu hendaklah dimulakan semula pada pukul 3.00 petang sehingga pukul 4.30 petang;	<u>Masa Persidangan</u>  11(1) Kecuali Jika Dewan mengeluarkan perintah lain –  (a) setiap persidangan pada hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis hendaklah dimulakan pada pukul 10.00 pagi dan ditangguhkan pada pukul 1.00 petang dan persidangan itu hendaklah dimulakan semula pada pukul 2.30 petang sehingga pukul 4.30 petang;  (b) setiap persidangan pada hari Jumaat hendaklah dimulakan pada pukul 9.30 pagi dan ditangguhkan pada pukul 12.00 tengah hari dan persidangan itu hendaklah dimulakan semula pada pukul 3.00 petang sehingga pukul 4.30 petang;	Bersetuju dengan cadangan pindaan asal menyarakkan pindaan asal diselarasaskan dengan Peraturan Tetap berikut :  a) <b>Peraturan 15 (1) dan (2)</b> - (rujuk penerangan di muka surat 7 - 8)  b) <b>Peraturan Tetap 17 (3) dan (4)</b> - (rujuk penerangan di muka surat 9 - 11)  (b) setiap persidangan pada hari Jumaat hendaklah dimulakan pada pukul 9.30 pagi dan ditangguhkan pada pukul 12.00 tengah hari dan persidangan itu hendaklah dimulakan semula pada pukul 3.00 petang sehingga pukul <b>5.30 petang</b> ;	Jawatankuasa merasakan bahawa pindaan tersebut adalah perlu untuk melincinkan aturan urusan mesyuarat sidang Dewan.  a) <b>Peraturan 15 (1) dan (2)</b> - (rujuk penerangan di muka surat 7 - 8)  b) <b>Peraturan Tetap 17 (3) dan (4)</b> - (rujuk penerangan di muka surat 9 - 11)  c) <b>Peraturan Tetap 56</b> - (rujuk penerangan di muka surat 11 - 12)

**ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
	<p>atau sehingga pukul 5.10 petang pada apa-apa hari jika ada dikeluarkan usul hendak menangguhkan mesyuarat menurut Peraturan Tetap 16;</p> <p>Dengan syarat sesuatu usul, yang hendak diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas, boleh dikeluarkan oleh Menteri Besar pada bila-bila masa supaya mesyuarat berkenaan dengan apa-apa urusan tertentu yang telah ditetapkan untuk hari ini, dibebaskan daripada syarat-syarat Peraturan ini.</p>	<p>(c) dalam keadaan diluar jangkaan dan terdesak yang mana masa persidangan tidak dapat dimulakan seperti yang telah diputuskan semasa mesyuarat sebelumnya,  <u>Speaker</u> hendaklah membuat pemakluman <u>sebaik sahaja mesyuarat bermula,</u></p> <p>atau sehingga pukul 5.10 petang pada apa-apa hari, <u>kecuali hari Jumaat</u> <u>sehingga pukul 6.10 petang</u> jika ada dikeluarkan usul menangguhkan mesyuarat menurut Peraturan Tetap 16;</p>		<p>Dengan syarat sesuatu usul, yang hendak diputuskan dengan tidak boleh dipinda atau dibahas, boleh dikeluarkan oleh Menteri Besar pada bila-bila masa supaya mesyuarat berkenaan dengan apa-apa urusan tertentu yang telah ditetapkan untuk hari ini, dibebaskan daripada syarat-syarat Peraturan ini.</p>

**ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN-TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(b)	<b><u>Menangguhkan Dewan</u></b>	<p>15 (1) Kecuali menurut Peraturan Tetap 17 usul hendak menangguhkan Dewan tidak boleh dikeluarkan sehingga pukul 4.30 petang atau sehingga selesai semua urusan dalam Aturan Urusan Mesyuarat bagi persidangan mesyuarat, dan usul demikian ini tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut peraturan ini dan Peraturan Tetap 16.</p> <p>15 (2) Pada pukul 4.30 petang Speaker akan menghentikan perjalanan mesyuarat atau jika Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa, maka Pengerusi hendaklah meninggalkan kerusi dan memaklumkan kepada Dewan sebanyak mana telah dijalankan urusan-urusan Jawatankuasa.</p>	<p>Jawatankuasa bersetuju agar penyelarasan dilaksanakan seperti pindaan asal di Peraturan Tetap 11 (b). Cadangan pindaan adalah dengan cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).</p> <p><b><u>Menangguhkan Dewan</u></b></p> <p>15 (1) Kecuali menurut Peraturan Tetap 17 usul menangguhkan Dewan tidak boleh dikeluarkan sehingga pukul 4.30 petang <u>pada apa-apa hari, kecuali hari Jumaat pada pukul 5.30 petang</u> atau sehingga selesai atau ditangguhkan semua sekali urusan dalam Aturan Mesyuarat persidangan mesyuarat, dan usul demikian ini tidak boleh dikeluarkan kecuali menurut peraturan ini</p>	<p>Jawatankuasa merasakan bahawa penyelarasan pindaan tersebut adalah perlu selaras dengan cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).</p> <p>Jawatankuasa juga berpendapat penyelarasan ini dapat mengelakkan peranggahan peruntukan di dalam Peraturan-peraturan Tetap Bagi Dewan Negeri Selangor.</p>

**ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
16.			dan Peraturan Tetap	<p>15(2) Pada pukul 4.30 petang <u>pada apa-apa hari, kecuali hari Jumaat pada pukul 5.30 petang,</u> Speaker akan menghentikan perjalanan mesyuarat atau jika Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa, maka Pengurus hendaklah meninggalkan kerusi dan memaklumkan kepada Dewan sebanyak mana telah dijalankan urusan-urusan Jawatankuasa.</p>

**ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(c)	<b><u>Usul menangguhkan mesyuarat di akhir persidangan</u></b>	<p><b><u>Usul menangguhkan mesyuarat di akhir persidangan</u></b></p> <p>16 (6) Setelah selesai perjalanan mesyuarat seperti yang demikian, maka Speaker hendaklah mengemukakan masalah “laitu Dewan ini ditangguhkan sekarang”:</p> <p>Dengan syarat, jika masalah itu belum diputuskan lagi terlebih dahulu, maka Speaker hendaklah menangguhkan Dewan pada pukul 5.10 petang <b>pada apa-apa hari, kecuali hari Jumaat pada pukul 6.10 petang</b> dengan tidak dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat.</p>	<p>Jawatankuasa bersetuju agar penyelarasan dilaksanakan seperti pindaan asal di Peraturan Tetap 11 (c).</p> <p>Dengan syarat, jika masalah itu belum diputuskan lagi terlebih dahulu, maka Speaker hendaklah menangguhkan Dewan pada pukul 5.10 petang <b>pada apa-apa hari, kecuali hari Jumaat pada pukul 6.10 petang</b> dengan tidak dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat.</p>	<p>Jawatankuasa merasakan bahawa penyelarasan tersebut adalah perlu selaras dengan cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).</p> <p>Jawatankuasa juga berpendapat penyelarasan ini dapat mengelakkan percanggahan peruntukan di dalam Peraturan-peraturan Tetap Bagi Dewan Negeri Selangor.</p>

**ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN-TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(d)	<b><u>Menangguhkan mesyuarat - perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan</u></b>	<p>17 (3) maka usul ini hendaklah diambil seiringa pukul 2.30 petang hari itu juga, dan pada pukul 2.30 petang itu, apa-apa perkara yang sedang dijalankan oleh Dewan hendaklah ditangguhkan itu telah diputuskan atau setelah sampai masa yang boleh diganggu, maka cadangan menangguhkan mesyuarat itu, jika belum diselesaikan lagi, adalah lucut dan perjalanan-perjalanan yang ditangguhkan tadi hendaklah diteruskan dan diuruskan menurut perenggan (4).</p> <p>17 (4) Apa-apata perjalanan yang telah ditangguhkan menurut Peraturan ini boleh diteruskan selepas pukul 4.30 petang selama masa cadangan menurut Peraturan ini dicadangkan; dan apabila semua perjalanan mesyuarat dalam perenggan tadi telah selesai, maka Dewan hendaklah ditangguhkan bagi dengan tidak dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat.</p>	<p><b><u>Menangguhkan mesyuarat - perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan</u></b></p> <p>17(3) maka usul ini hendaklah diambil seiringa pukul 2.30 petang hari itu juga, <b><u>kecuali hari Jumaat sehingga pukul 3.00 petang dan pada pukul 2.30 petang itu, kecuali hari Jumaat pada pukul 3.00 petang</u></b> apa-apata perkara yang sedang dijalankan oleh Dewan hendaklah ditangguhkan itu telah diputuskan atau setelah</p>	<p>Jawatankuasa bersetuju agar penyelarasan dilaksanakan seperti pindaan asal di Peraturan Tetap 11 (b). Cadangan pindaan adalah dengan cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).</p> <p><b><u>Menangguhkan mesyuarat - perkara tertentu berkenaan dengan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan</u></b></p> <p>17(3) maka usul ini hendaklah diambil seiringa pukul 2.30 petang hari itu juga, <b><u>kecuali hari Jumaat sehingga pukul 3.00 petang dan pada pukul 2.30 petang itu, kecuali hari Jumaat pada pukul 3.00 petang</u></b> apa-apata perkara yang sedang dijalankan oleh Dewan hendaklah ditangguhkan itu telah diputuskan atau setelah</p>

**ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
		<p>sampai masa yang boleh diganggu, maka cadangan menangguhkan mesyuarat itu, jika belum diselesaikan lagi, adalah lucut dan perjalanan-perjalanan yang ditangguhkan tadi hendaklah diteruskan dan diuruskan menurut perenggan (4).</p> <p>17(4) Apa-apapun perjalanan yang telah ditangguhkan menurut Peraturan ini boleh diteruskan selepas pukul 4.30 petang <b>pada apa-apa hari, kecuali hari Jumaat selepas pukul 5.30 petang</b> selama masa cadangan menurut Peraturan ini dicadangkan; dan apabila semua perjalanan mesyuarat dalam perenggan tadi telah selesai, maka Dewan ditangguhkan dengan tidak dikemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat.</p>		

**ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN-TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(e)	<b>Jawatankuasa sesebuah Dewan</b>	<p>56 Jika, sebelum tamat perbincangan atas sesatu Rang Undang-Undang dalam Jawatankuasa sesebuah Dewan seseorang ahli mengeluarkan usul hendak memaklumkan kepada Dewan sebanyak mana urusan telah dijalankan dan usul demikian disetujukan, atau jika perjalanan dalam Jawatankuasa sesebuah Dewan belum tamat lagi pada pukul 4.30 petang, maka Speaker hendaklah memaklumkan kepada Dewan sebanyak mana urusan telah dijalankan serta meminta izin Dewan bersidang sekali lagi, dan ahli yang menjaga Rang Undang-Undang itu hendaklah menetapkan hari bagi disambung perbincangan itu.</p>	<p>Jawatankuasa bersetuju agar penyelarasan dilaksanakan seperti pindaan asal di Peraturan Tetap 11 (b). Cadangan pindaan adalah seperti berikut:</p> <p><b>Jawatankuasa sesebuah Dewan</b></p> <p>56 Jika, sebelum tamat perbincangan sesuatu Rang Undang-Undang Jawatankuasa sesebuah Dewan seseorang ahli mengeluarkan usul hendak memaklumkan kepada Dewan sebanyak mana urusan telah dijalankan dan usul demikian disetujukan, atau jika perjalanan dalam Jawatankuasa sesebuah Dewan seseorang ahli mengeluarkan usul hendak memaklumkan kepada Dewan sebanyak mana urusan telah dijalankan dan usul disetujukan, atau jika perjalanan dalam Jawatankuasa sesebuah Dewan belum tamat lagi pada pukul 4.30 petang <b>pada apa-apa hari, kecuali hari</b>.</p>	<p>Jawatankuasa merasakan bahawa penyelarasan pindaan tersebut adalah perlu selaras dengan cadangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).</p> <p>Jawatankuasa juga berpendapat penyelarasan ini dapat mengelakkan percanggahan peruntukan di dalam Peraturan-peraturan Tetap Bagi Dewan Negeri Selangor.</p>

**ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
		<b>Jumaat pada pukul 5.30 petang,</b> maka Speaker hendaklah memaklumkan kepada Dewan sebanyak mana urusan telah dijalankan serta meminta izin Dewan bersidang sekali lagi, dan ahli yang menjaga Rang Undang-Undang itu hendaklah menetapkan hari bagi disambung perbincangan itu.	<b>Jumaat pada pukul 5.30 petang,</b> maka Speaker hendaklah memaklumkan kepada Dewan sebanyak mana urusan telah dijalankan serta meminta izin Dewan bersidang sekali lagi, dan ahli yang menjaga Rang Undang-Undang itu hendaklah menetapkan hari bagi disambung perbincangan itu.	Jawatankuasa merasakan bahawa pindaan tersebut adalah perlu untuk memberi peluang kepada lebih ramai lagi Ahli Dewan Negeri untuk berbahas mengenai Rang Undang-Undang Perbekalan.
(f)	<b>Jawatankuasa Perbekalan</b>	66 (2) Setelah usul hendak dibacakan Rang Undang-Undang Perbekalan itu kali yang kedua dicadangkan dan disokong, maka perbahasan atasnya hendaklah ditangguhkan selama tidak kurang daripada satu jam, dan apabila disambung semula perbahasan itu, maka hendaklah dihadkan kepada asas am berkenaan dengan polisi Kerajaan dan Pentadbiran sebagaimana yang diterangkan	66(2) Setelah usul hendak dibacakan Rang Undang-Undang Perbekalan itu kali yang kedua dicadangkan dan disokong, maka perbahasan atasnya hendaklah ditangguhkan selama tidak kurang daripada satu jam, dan apabila disambung semula perbahasan itu, maka hendaklah dihadkan kepada asas am berkenaan dengan polisi Kerajaan dan Pentadbiran sebagaimana yang diterangkan	Bersetuju dengan cadangan pindaan asal.

**ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
	dalam Rang Undang-Undang dan Anggaran Perbelanjaan itu. Maksimum empat hari hendaklah diintukkan bagi sambungan perbahasan atas bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang itu, dan pada pukul 12.00 tengah hari pada hari <u>keenam</u> perbahasan itu atau masa yang lebih awal sebagaimana yang ditetapkan oleh apa-apa ju Speaker, Speaker hendaklah mengemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat apa-apa ju soalan yang dikehendaki bagi menamatkan prosiding atas bacaan kali kedua itu.	dalam Rang Undang-Undang dan Anggaran Perbelanjaan itu. Maksimum <u>enam</u> hari hendaklah diintukkan bagi sambungan perbahasan atas bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang itu, dan pada pukul 12.00 tengah hari pada hari <u>keenam</u> perbahasan itu atau masa yang lebih awal sebagaimana yang ditetapkan oleh apa-apa ju Speaker, Speaker hendaklah mengemukakan bagi diputuskan oleh mesyuarat apa-apa ju soalan yang dikehendaki bagi menamatkan prosiding atas bacaan kali kedua itu.		

**ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(g)	<u>Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan</u>	<p><u>Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan</u></p> <p>68 (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan dilantik pada awal tiap-tiap penggal persidangan dan dipengerusikan oleh Ketua Pembangkang kerana memeriksai:....</p>	<p>Bersetuju dengan cadangan pindaan asal.</p> <p>68 (1) Hendaklah ada sebuah Jawatankuasa yang akan dinamakan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan dilantik pada awal tiap-tiap penggal persidangan dan <u>keutamaan diberikan kepada Ketua Pembangkang sebagai pengurus, jika dalam ketiadaan pembangkang, dilantik Ketua melalui undian belah bahagian menurut syarat Peraturan Tetap 47</u></p>	<p>Jawatankuasa bahawa pindaan tersebut adalah perlu untuk memastikan keutamaan diberikan kepada Ketua Pembangkang. Jawatankuasa juga merasakan hak untuk menentukan pengurus Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan ini perlulah diberikan kepada ahli dewan sekiranya berlaku keadaan yang mana bilangan sama rata diantara Ketua dan Pembangkang.</p>

**ULASAN JAWATANKUASA PERATURAN-PERATURAN TETAP  
DEWAN NEGERI SELANGOR**

BIL	PERATURAN TETAP ASAL	CADANGAN PINDAAN ASAL	SYOR JAWATANKUASA	ULASAN JAWATANKUASA
(h)	<b>Menubuh Jawatankuasa Pilihan</b>	<b>Menubuh Jawatankuasa Pilihan</b>	Bersetuju dengan cadangan pindaan asal.	Jawatankuasa merasakan bahawa pindaan tersebut adalah perlu untuk memastikan perjalanan mesyuarat Jawatankuasa Pilihan tidak terganggu dan dapat dilaksanakan mengikut keperluan.